

26/04/1997

Pelantikan MB baru Selangor tidak rumit

NAMPAKNYA tidak mudah untuk Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melantik ganti Tan Sri Muhammad Muhd Taib sebagai Menteri Besar baru Selangor. Tugas itu tidak semudah disangka. Memang sebagai Perdana Menteri hak melantik Menteri Besar atau gantinya sebagaimana dalam hubungannya dengan pengganti Muhammad terletak pada Dr Mahathir. Kuasa Perdana Menteri ialah melantik Menteri Besar. Bahkan manakala diperlukan, Perdana Menteri boleh melucutkan seorang Menteri Besar daripada jawatannya.

Mahathir sudah menemui ahli Majlis Kerja Kerajaan Negeri. Mereka menyerahkan pelantikan Menteri Besar baru kepada Perdana Menteri dan akan mematuhi keputusannya. Dalam pertemuan dengan ahli Exco itu, soal pengganti Muhammad tidak ditimbulkan.

Spekulasi begitu banyak mengenai siapakah bakal Menteri Besar baru Selangor. Dr Mahathir sendiri tidak bersedia melayani spekulasi itu sekalipun didesak oleh wartawan. Adakah beliau membuat pilihannya sendiri terhadap calon Menteri Besar baru itu tidak dapat kita pastikan.

Memilih seorang Menteri Besar baru dalam keadaan yang berlaku di Selangor sekarang tidaklah mudah. Muhammad memegang jawatan Menteri Besar selama tiga penggal. Dia meletakkan jawatannya dengan kerelaan hati tetapi di tengah-tengah kontroversi yang menjadi masalah kepada parti dan kerajaan.

Seorang Menteri Besar bukan saja seorang pemimpin kerajaan negeri. Dia juga pemimpin parti dalam negerinya. Sebagai Menteri Besar dan sebagai ketua parti dalam negerinya, sudah tentu kedudukannya mempunyai pengaruh dan kuasa. Apa lagi jika dalam hubungan dengan Muhammad, kedudukan dan pengaruh itu dipupuk dan dibina selama tiga penggal. Untuk mencari pengganti tokoh seperti Muhammad tidak mudah. Tidak saja penggantinya harus diterima oleh ahli Exco tetapi juga harus diterima oleh warga parti di tiap peringkat.

Tidak lama dulu telah berlaku pertukaran jawatan membabitkan Tan Sri Osman Aroff sebagai Menteri Besar Kedah. Proses peralihan jawatan daripada Osman kepada Datuk Seri Sanusi Junid penuh dengan `drama'. Tetapi dengan kebijaksanaan Perdana Menteri, peralihan itu terselenggara secara licin dan teratur tanpa menjejaskan keutuhan parti dan kerajaan negeri.

Berkat kesabaran dan kepatuhannya kepada Perdana Menteri, Sanusi kini memimpin sebuah parti dan kerajaan negeri yang mantap di Kedah. Kerana itu tidak hairan jika Dr Mahathir memerlukan masa agak panjang untuk memilih pengganti Muhammad di Selangor. Sebenarnya tempoh dua minggu yang dikatakan diperlukan Dr Mahathir untuk menyelesaikan masalah pengganti Muhammad tidak terlalu lama. Peralihan jawatan daripada Osman kepada Sanusi lebih lama daripada itu.

Sementara menunggu pengganti Muhammad dilantik, pentadbiran Negeri Selangor dikendalikan ahli Exco kerajaan Negeri berdasarkan portfolio atau jawatan masing-masing. Pentadbiran negeri lancar seperti biasa.

Pejabat Sultan Selangor membuat kenyataan kelmarin membetulkan siaran beberapa akhbar mengenai pertemuan Sultan dengan Perdana Menteri. Laporan beberapa media mengenai pertemuan itu tidak tepat, menurut Setiausaha Sulit Sultan. Menurut Setiausaha Sulit Sultan, adalah tidak benar sultan tidak berkenan senarai nama calon Menteri Besar baru yang dikatakan diserahkan oleh Dr Mahathir kepadanya. Sebenarnya tidak ada senarai calon Menteri Besar baru diserahkan oleh Dr Mahathir kepada Sultan. Dr Mahathir sendiri menafikan bahawa beliau menyerahkan senarai calon Menteri Besar

baru kepada sultan.

Yang demikian tidak timbul soal sultan tidak memperkenankan calon yang dikemukakan oleh Dr Mahathir.

Pembetulan oleh Setiausaha Sulit Sultan dibuat kerana berita itu menimbulkan reaksi daripada beberapa pemimpin yang antara lain mengingatkan bahawa Sultan tidak berhak menolak sebarang calon yang dikemukakan oleh Perdana Menteri untuk memegang jawatan Menteri Besar baru. Dr Mahathir sendiri memberitahu media bahawa soal sultan campur tangan urusan pemilihan Menteri Besar tidak timbul. Sultan sanggup menunggu selama dua minggu untuk Dr Mahathir memutuskan orang yang dipilihnya untuk memegang jawatan itu, kata Perdana Menteri.

Sebelum ini, spekulasi di kalangan rakyat ialah bahawa sultan kononnya mempunyai calon pilihan sendiri. Tetapi ia hanya spekulasi sekalipun sesetengah akhbar menyiarkan nama calon pilihan sultan.

Kenyataan rasmi Setiausaha Sulit Sultan tidak pula menolak kebenaran perbualan sultan dengan pemberita mengenai kelayakan yang menurut sultan sesuai dipunyai oleh calon Menteri Besar yang baru. Pendapat sultan itu agak terus-terang dan secara tidak langsung satu kecaman terhadap pimpinan Muhammad. Adalah hak sultan memberikan pandangan terhadap rakyatnya.

Tetapi Dr Mahathir mempunyai banyak pengalaman menangani keadaan seperti ini yang lebih rumit pada masa lalu. Kita yakin masalah pelantikan Menteri Besar Selangor yang baru akan dapat diselesaikan dengan baik tidak lama lagi.

(END)